

BN Sabah Desak Pembangkang Namakan Kabinet Bayangan Negeri Dalam Tempoh Sebulan
Bernama
20 September, 2012

KOTA KINABALU, 20 Sept (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sabah mendesak Pakatan dan parti pembangkang yang lain di Sabah mengumumkan atau menamakan senarai 'Kabinet bayangan' negeri mereka dalam tempoh satu bulan dari sekarang.

Ketika membuat desakan itu, Setiausaha BN Sabah Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata ini penting agar rakyat Sabah dapat melihat komposisi Kabinet dan memastikan siapa individu dan "dari parti mana yang bakal menganggotai jemaah Kabinet negeri".

"Umum mengetahui bahawa terdapat pergolakan besar dalam perebutan jawatan menteri di kalangan pemimpin-pemimpin pembangkang sekarang ini. Untuk kepentingan semua pihak, BN Sabah meminta pembangkang mengumumkan Kabinet bayangan negeri mereka serta-merta.

"Rakyat Sabah sudah tentu mahu menilai pengalaman calon-calon menteri tersebut," katanya dalam sidang media bersama yang dihadiri setiausaha agung atau wakil semua parti komponen BN Sabah di Bangunan Umno, dekat sini Khamis.

Abdul Rahman berkata BN Sabah turut mendesak pembangkang untuk menamakan parti yang akan mengisi jawatan Ketua Menteri Sabah "kerana ternyata penyokong pembangkang di Beaufort, Tuaran, Kota Kinabalu dan Sandakan mempunyai calon dari kawasan sendiri yang sepatutnya menjadi Ketua Menteri jika pembangkang memenangi pilihan raya nanti".

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696119>